

15/09/2001

Terjunan gemilang Mun Yee, Azheem

KOLAM air di Pusat Akuatik Nasional, Bukit Jalil terus berkocak hebat, semalam apabila peserta negara kita meraih dua pingat emas dalam acara terjun.

Paling mengejutkan adalah Mohd Azheem Bahari yang muncul juara acara 10 meter platform lelaki dengan merakamkan 610.17 mata sambil menyingkirkan penerjun pilihan dan rakan sepasukan, Yeoh Ken Nee yang sekadar meraih perak dengan catatan 564.93 mata.

Leong Mun Yee pula meraih emas acara 3 meter papan anjal wanita dengan catatan 474.12 mata bagi memulakan buruan emas bagi pasukan negara.

Bagi Azheem ini adalah penyertaan sulung dalam kancah Sukan Sea.

Ken Nee jelas kecewa terpaksa berpuas hati dengan perak selepas berjaya layak ke separuh akhir acara berkenaan di Kejohanan Sedunia ke-9 di Fukuoka, Jepun, bulan lalu.

Penerjun Indonesia, Husaini Noor turut mengejutkan apabila menang pingat gangsa dengan 542.67 mata sekalipun hanya terperosok di tangga ke-6 pada sesi pagi.

Apapun, Azheem, 17, jelas tidak diberi cabaran sengit oleh Ken Nee kerana berjaya mendahului kutipan mata sejak awal lagi dengan mengumpul 176.91 mata selepas empat terjunan pada sesi pagi.

Penerjun kebanggaan Selangor itu meneruskan kecemerlangannya dalam enam lagi terjunan sesi petang sekali gus memperkukuhkan sasaran meraih lima emas menerusi pasukan terjunan negara.

Terdahulu, penerjun wanita, Mun Yee membuka cabaran hari pertama acara terjun dengan menepati statusnya selaku atlit harapan mencari emas pertama.

Dia mengutip 474.12 mata untuk mengalahkan sembilan lagi penerjun lain.

Seorang lagi peserta negara, Rosatimah Muhamad meraih gangsa.

Rosatimah memungut 432.27 mata ketinggalan 24.22 mata di belakang pemenang perak, Sheila Mae Perez dari Filipina.

Mun Yee kemudian diberikan hadiah paling berharga apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengalungkan emas sekali gus menyebabkan dia teresak-esak menangis tanda terharu.

Pengurus pasukan negara, Alex Kuan ketika ditemui berkata penerjun negara membuktikan kehebatan mereka dengan mendominasi kedua-dua pingat emas yang dipertandingkan semalam.

"Kami memang sudah jangka akan menang tetapi tidak tahu siapa yang boleh dapat emas.

"Apapun, tidak kira siapa yang menang, asalkan emas tetap milik Malaysia," katanya.

(END)